



19 APR, 2023

Program Jualan Syawal MADANI terima reaksi positif rakyat

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

Program Jualan Syawal MADANI terima reaksi positif rakyat

KUALALUMPUR: Jualan Syawal MADANI yang diadakan di outlet pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di seluruh negara mendapat reaksi positif daripada pengguna sejak ia dilancarkan pada 15 April lepas.

Rata-rata pengunjung melahirkan rasa terima kasih kerana dapat membeli barangan seperti daging, ayam, sayur dan telur pada harga yang berpatutan sebagai persediaan menyambut Aidilfitri tidak lama lagi.

Seorang suri rumah, Norazah Sharif, 51, berkata harga ayam standard yang diperolehi semasa program jualan itu adalah RM10 seekor berbanding dengan harga luar yang lebih mahal.

"Harga barang jualan di sini murah berbanding dengan pasar di luar sana, tambahan Jualan Syawal MADANI ini semua barangan basah dan kering ada termasuk barangan hari raya.

"Ada rendang, ketupat, kuih raya... jadi memudahkan urusan," katanya ketika dihubungi Bernama.

Sementara itu, Jualan Syawal MADANI berkenaan turut mendapat reaksi positif daripada pengguna di media sosial apabila rata-rata mereka memuji usaha kerajaan menganjurkan program itu untuk meringankan beban rakyat.

"Satu usaha terbaik daripada Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) agar rakyat di kawasan program Jualan Syawal MADANI mendapat harga murah. Di samping itu, sudah tentu melariskan jualan pengusaha barangan jualan tersebut," kata pengguna Facebook Ammar Hassan.

Seorang lagi pengguna Facebook, Badrul Amin pula berkata kerajaan seharusnya mempromosikan program berkenaan secara besar-besaran supaya manfaatnya sampai kepada rakyat yang memerlukan.

"Pasar Tani ini bagus sebab ramai peniaga bumiputera yang menjual barangan di sini dan harga pun berpatutan. Kalau boleh banyakkkan lagi cawangan pasar tani seperti ini, barang mencukupi dan segar dari ladang," katanya. — Bernama



19 APR, 2023

Program Jualan Syawal MADANI terima reaksi positif rakyat

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Jualan Syawal MADANI yang diadakan di outlet pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di seluruh negara mendapat reaksi positif daripada pengguna sejak ia dilancarkan pada 15 April lepas. Rata-rata pengunjung melahirkan rasa terima kasih kerana dapat membeli barangan seperti daging, ayam, sayur dan telur pada harga yang berpatutan sebagai persediaan menyambut Aidilfitri tidak lama lagi.